

INSPIRASI KISAH NURLY SAHIRAH

Transformasi sikap kita terhadap al-Quran

Bersama
Dr Syed Sultan
Bee Packeer
Mohamed



Dalam melakukan transformasi sikap terhadap al-Quran, setiap individu Muslim perlu memberi keutamaan kepada kalam Allah itu dalam aktiviti harian mereka

Utakhir ini, media sosial dibanjiri kisah seorang mahasiswi Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Nurly Sahirah Azman. Beliau didapati meninggal dunia bersama 14 pelajar UPSI yang lain dalam nahas di Gerik, Perak pada 9 Jun lalu. Kematian beliau mendapat perhatian ramai kerana terserlah pelbagai tanda kemuliaan yang Allah SWT anugerahkan kepadanya kerana mencintai al-Quran.

Kecintaannya terhadap al-Quran terbukti apabila Allahyarham didapati meninggal dunia dengan al-Quran berada dalam pelukannya. Sementara itu, doktor dan pemandu van mengendalikannya pula mengesahkan jenazahnya berbau harum yang tidak dapat digambarkan.

Malah, selepas disemadikan, kuburnya juga semerbak dengan keharuman sehingga menarik ramai yang hadir untuk menziarahinya. Kisah Nurly Sahirah tidak boleh dibiarkan begitu sahaja tanpa diambil pengajaran. Kisahnyanya wajar menjadi inspirasi buat kita dalam melakukan transformasi sikap terhadap al-Quran. Transformasi ini penting dilakukan kerana al-Quran sumber utama untuk mendapat hidayah Allah SWT yang dapat menyelamatkan kita dalam kehidupan dunia dan akhirat. Justeru, untuk melakukan transformasi ini, kita perlu bermula dengan menukar cara kita memandang al-Quran. Setiap individu Muslim perlu berasakan al-Quran ialah kalam Allah diturunkan khas kepada dirinya sebagai jalan untuk mendapat hidayah Allah SWT.

Dalam hal ini, Allah SWT berfirman yang bermaksud: "Wahai umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu al-Quran yang menjadi nasihat pengajaran daripada Tuhan kamu, menjadi penawar bagi penyakit batin yang ada di dalam dada kamu, menjadi hidayah petunjuk untuk keselamatan dan membawa rahmat bagi orang beriman." (Surah Yunus ayat 57)

Selain itu, setiap individu Muslim juga perlu berasakan bahawa ketika membaca al-Quran, Allah sedang bercakap

dan menyampaikan pesanan kepadanya. Berhubung hal ini, Imam Hasan al-Basri pernah berkata yang bermaksud: "Jika engkau ingin Allah berbicara denganmu, bacalah al-Quran."

Oleh itu, al-Quran tidak sepatutnya dibaca seperti buku karangan manusia. Sebaliknya, kalam Allah SWT itu perlu dihayati dan diberi respons ketika membacanya. Contohnya, ketika membaca ayat berkaitan keindahan syurga kita perlu berhenti sejenak dan berdoa kepada Allah SWT agar memasukkan kita ke dalam syurga. Begitu juga, ketika membaca ayat berkaitan kepedihan siksa-neraka, kita perlu berdoa agar Allah SWT menjauhkan kita daripada neraka.

Bahkan, perbuatan ini adalah sunah Rasulullah SAW apabila Huzafah RA meriwayatkan bahawa: "Apabila baginda Nabi SAW membaca ayat yang mengandung tasbihi, baginda bertasbihi, apabila baginda membaca ayat yang mengandung doa, baginda berdoa dan apabila baginda membaca ayat yang mengandung permohonan perlindungan dengan Allah SWT, baginda memohon perlindungan." (Hadis Riwayat Muslim)

Di samping itu, dalam melakukan transformasi sikap terhadap al-Quran, setiap individu Muslim perlu memberi keutamaan kepada kalam Allah itu dalam aktiviti harian mereka. Al-Quran mesti dilihat sebagai satu keperluan asas untuk meneruskan kehidupan, sama seperti keperluan makan, minum, tidur dan sebagainya. Setiap individu pasti memberi masa untuk memenuhi keperluan tersebut. Begitu juga, al-Quran perlu diberi peruntukan masa yang khas setiap hari sebagai aktiviti rutin harian yang utama dan bukannya aktiviti untuk memenuhi masa kosong. Ini dapat dilakukan jika kita melihat al-Quran sebagai panduan hidup yang sangat penting untuk memberi kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Justeru, al-Quran perlu dijadikan sahabat yang sangat kita kasihi ketika hidup di dunia. Ini kerana pada hari kiamat nanti, saat semua manusia memerlukan seseorang yang dapat ditemaninya, al-Quran akan datang sebagai sahabat. Berhubung hal ini, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Al-Quran akan menemui

sahabatnya dalam bentuk lelaki berwajah cerah pada hari kiamat apabila kuburnya dibuka. Al-Quran akan bertanya kepadanya, 'Adakah engkau mengenalku?'. Orang itu akan berkata, 'Saya tidak mengenali engkau'. Al-Quran akan berkata, 'Akulah sahabatmu, Quran, yang menyebabkan kamu dahaga ketika panas dan membuat kamu bangun ketika malam.'" (Hadis Riwayat Ahmad)

Seterusnya, dalam usaha melakukan transformasi sikap terhadap al-Quran, perasaan tidak layak mendapat hidayah Allah SWT kerana tidak pandai membaca al-Quran perlu dibuang jauh-jauh. Sesungguhnya al-Quran diturunkan kepada semua umat Nabi Muhammad SAW, tidak kira sama ada bangsa Arab atau ajam (bukan Arab) dan tidak kira sama ada individu terpelajar atau tidak. Allah SWT memberi hidayah dan cahaya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya melalui al-Quran.

Justeru, kita mendapati tidak sedikit dalam kalangan bukan Islam yang menitisikan air mata tatkala mendengar lantunan ayat al-Quran. Sedangkan mereka tidak memahaminya walaupun sepetah perkataan. Allah SWT menyebut mengenai perkara ini dalam firman-Nya yang bermaksud: "Dengan (al-Quran) itu Allah menunjukkan jalan keselamatan serta kesejahteraan kepada sesiapa yang mengikut keredaan-Nya dan (dengannya) Tuhan keluaran mereka daripada gelap-gelita (kufur) kepada cahaya (iman) yang terang benderang dengan izin-Nya dan (dengannya juga) Tuhan menunjukkan mereka ke jalan yang lurus". (Surah al-Maidah ayat 15 hingga 16)

Malah, kita juga menyaksikan betapa ramai hamba Allah SWT yang dahulunya bergelut dengan dosa berubah sepenuhnya menjadi insan yang soleh hanya kerana tersentuh oleh ayat al-Quran.

Contohnya, Fudhayl bin Iyadh yang berubah daripada seorang perompak menjadi wali Allah yang terkenal sehingga digelar Abid al-Haramain (ahli ibadah di dua tanah haram). Perubahan ini berlaku selepas beliau mendengar ayat al-Quran yang bermaksud: "Belum sampaikah lagi masanya bagi orang yang beriman, untuk khusyuk hati mereka mematuhi peringatan dan pengajaran Allah serta mematuhi kebenaran (al-Quran)



Sehari sepotong ayat

"Katakanlah (wahai Muhammad kepada kaum Yahudi): 'Kalau syurga negeri akhirat itu telah menjadi hak istimewa untuk kamu pada sisi hukum Allah, tidak boleh dicampuri oleh orang-orang lain (seperti yang kamu dakwakan itu), maka cita-citakanlah mati (supaya kamu dimatikan sekarang juga), jika betul kamu orang-orang yang benar'"

(Surah al-Baqarah: ayat 94)

yang diturunkan (kepada mereka)?" (Surah al-Hadid ayat 16)

Semakin banyak al-Quran dibaca, difahami dan diamalkan, semakin dekat seseorang itu dengan Allah SWT. Allah SWT mengangkat darjat orang yang mendampingi al-Quran sebagai 'ahli keluarga-Nya'.

Dalam satu hadis, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah mempunyai keluarga di antara manusia, sahabat bertanya, 'Siapakah mereka ya Rasulullah?' Rasulullah menjawab, 'Para ahli al-Quran. Mereka ialah keluarga Allah dan hamba pilihan-Nya'." (Hadis Riwayat Ibn Majah)

Ini yang berlaku kepada Nurly Sahirah yang dimulikan oleh Allah SWT sehingga kisahnyanya tersebar ke seluruh tanah air. Sikapnya yang sentiasa membaca, menghafaz dan menulis al-Quran sepanjang hidupnya mesti menjadi inspirasi kepada kita dalam melakukan transformasi terhadap al-Quran.

Dengan pertambahan usia, kita perlu berusaha untuk memperbaiki hubungan kita dengan al-Quran. Sesungguhnya al-Quran mesti diletakkan pada tempat yang tinggi di hati kita dan perlu dipegang dengan sekuat-kuatnya. Ini kerana balasan yang Allah SWT sediakan bagi mereka yang mencintainya sangat lumayan. Ini terbukti dalam kisah Nurly Sahirah!

**Penulis Pensyarah Kanan
Pusat Pengajian Bahasa,
Tamadun dan Falsafah
Universiti Utara
Malaysia (UUM)**